

20 JUN 2001

ZAINAL RAMPAK DILANTIK SEMULA AHLI LEMBAGA KWSP

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak dilantik semula bagi tempoh dua tahun sebagai ahli lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Pelantikan beliau dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini memangku jawatan Menteri Kewangan, demikian menurut satu kenyataan sekretariat MTUC hari ini.

Surat pelantikannya menyatakan yang Zainal dilantik semula bagi tempoh 1 Jun 2001 hingga 31 Mei 2003, kata kenyataan itu.

Zainal pertama kali dilantik ke lembaga itu pada 1990.

-- BERNAMA

YBK AHH MAI